

Kebanyakan lulusan UMS dapat kerja, kata Dr Kassim

Pembaca

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang ditubuhkan hampir 15 tahun lepas, setakat ini berjaya mengeluarkan hampir 25,000 graduan dan kebanyakan mereka mendapat pekerjaan, kata Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Dr Kasim Md Mansur.

Beliau berkata berdasarkan maklum balas, kebanyakan graduan UMS memperolehi pekerjaan di sektor swasta dan awam.

“Walaupun unversiti baru, namun graduan UMS dapat bersaing dengan graduan daripada universiti lain daripada segi peluang pekerjaan terutama graduan kejuruteraan, perakaunan, sains makanan, seni dan perubatan.

“Ada juga yang masih mencari pekerjaan tetapi jumlah mereka tidaklah kritikal,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan laman web Pusat Hubungan

Alumni sempena program “Homecoming 2010” UMS yang diadakan di kampus induk UMS di Likas, selama tiga hari bermula 11 Jun ini.

Dr Kasim berkata sejak fakulti perubatan UMS diwujudkan pada tahun 2003, seramai 66 graduan berjaya menamatkan pengajian dan daripada jumlah itu, 40 peratus adalah graduan perubatan di kalangan pelajar tempatan.

Mengenai program “Homecoming”, Dr Kasim berkata program itu antara lain, bertujuan memberi peluang kepada alumni UMS melihat sendiri pembangunan dan kemajuan yang dicapai universiti itu selain menjadi landasan perkongsian dan percambahan idea ke arah kemajuan ahli alumni.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua bekas pelajar UMS menyertai program yang julung kali diadakan itu. - Bernama